


# **Gejala Buli Di Kalangan Pelajar- pelajar Sekolah**

Azizi Yahaya  
UTM



# Kajian-kajian Buli

- Di Manila, jumlah kes buli yang berlaku pada tahun lepas adalah dua kali ganda daripada apa yang berlaku di Singapura dan Kuala Lumpur (Reader Digest, 2005).
- Menurut Profesor Olweus dari Bergen University, Norway iaitu, pelopor dalam kajian buli di dunia, sekiranya kes buli berlaku dalam lingkungan 10-15 peratus ia dianggap serius.




# Kajian-kajian Buli

- Di Singapura:
  - angkara buli yang banyak berlaku di sekolah, 38% telah berlaku dalam bilik darjah, 35% berlaku di kantin sekolah, sementara 23% pula di tandas.
  - 95% daripada 4,000 pelajar yang ditinjau mengaku pernah dibuli atau melihat kes buli yang berlaku di sekolah mereka (Gabungan Mencegah Kelakuan Buli Bagi Kanak-Kanak dan Belia, 2006).
  - aksi buli di ruang siber yang mendedahkan bahawa 14% daripada responden mengaku pernah mengalami buli-siber melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), sementara 13% lagi di jaringan (Chat) dan 7% pula dibuli di blog (Diari maya).




# Kajian-kajian Buli

- Di U.S.A (Statistik daripada Bully Police),
  - 3 daripada 4 orang pelajar yang melaporkan bahawa mereka telah dibuli.
  - 1 daripada 5 orang pelajar yang mengelakkan diri dari pergi ke tandas atas kebimbangan tentang keselamatan diri.
  - sebanyak 90% pelajar yang berasa mereka telah dibuli juga menghadapi masalah sosial, emosi dan pendidikan.
  - 1 daripada 13 orang yang berumur di bawah 19 tahun telah membunuh diri setiap tahun dan angka ini telah meningkat sebanyak 3 kali ganda jika dibandingkan dengan 20 tahun yang lalu. Kebanyakan kes ini adalah berkaitan dengan kes buli.



# Definisi 'Buli'

- Menurut Wikipedia Bahasa Melayu, 'buli' bermaksud perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing.
- Menurut suatu kajian Australia,  
*"Bullying is commonly defined as a form of aggressive behaviour in which there is an imbalance of power favouring the perpetrator. "*



# Jenis-jenis Buli


- 2 bentuk yang utama iaitu:

- a) Buli fizikal

- pukul-memukul, memeras ugut, menampar, menendang, menarik rambut, menolak, mencubit atau sepak terajang hingga menyebabkan kecederaan dan kematian.


- b) Buli mental

- lebih kepada ejek-mengejek.



# Sebab-sebab Buli

- faktor rakan sebaya mempunyai pengaruh paling kuat untuk mengubah tingkah laku pelajar.
- gangguan personaliti seperti antisosial.
- merupakan individu yang gagal mengendalikan emosi dengan baik.
- berasa bosan dengan pembelajaran di sekolah.



# Saiz Masalah Buli

- Gejala buli merupakan satu masalah kebangsaan tanpa mengira status sosioekonomi.
- Menurut Adair (1998), telah mendapati bahawa seramai 20% pelajar yang telah menjadi mangsa tidak berani dalam meluahkan atau melapor kepada guru-guru mereka.

# Saiz Masalah Buli

Country	Primary		Secondary	
Rates	Often bullied	At least weekly	Often bullied	At least weekly
New Zealand	Not available	Not available	15%	9%
England	27%	10%	10%	6%
International	23%	15%	10%	6%

( Kajian Auckland - Adair, 1998)



# Saiz Masalah Buli

- Peratusan kes dibuli adalah lebih tinggi di sekolah rendah jika berbanding dengan sekolah menengah.
- Disebabkan perbezaan individu dalam perseimbahan kendiri.
- Pemikiran dan kelakuan murid sekolah rendah lebih telus. Mereka akan selalu melaporkan kepada guru-guru sekiranya menghadapi masalah walaupun perkara yang remeh-temeh.
- Kebanyakan murid sekolah rendah masih lemah dalam pergaulan dengan rakan-rakan. Mereka menimbulkan keadaan salah faham atau kemarahan rakan-rakan.



# Saiz Masalah Buli


- Manakala, pelajar sekolah menengah pula mempunyai nilai harga diri yang tinggi. Jika sesuatu kes buli berlaku ke atas mereka, mereka akan mempertimbangkan keperluan untuk membuat laporan.
- Mereka akan memendamkannya sekiranya perkara itu tidak begitu ketara.
- Hal ini mungkin sebab mereka akan rasa malu dan jatuh air muka sekiranya perkara yang remeh-temeh pun perlu dibantu.
- Mereka juga lebih mahir untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan.




# Saiz Masalah Buli

- Peratusan yang dibuli di New Zealand adalah lebih tinggi daripada England dan Antarabangsa.
- Cara dan budaya hidup masyarakat di New Zealand lebih bermuafakat.
- England sebagai sebuah negara yang maju, mereka tidak suka 'menjaga kain tepi' orang lain dan kesedaran tentang tanggungjawab bersama itu kurang.


# Pembentukan Sifat-sifat Si Pembuli dan Mangsa Buli






# Pembentukan Sifat-sifat Si Pembuli dan Mangsa Buli

- Gejala buli hanya akan berlaku sekiranya kewujudan kedua-dua komponen, iaitu si pembuli dan mangsa buli.
- Si pembuli berkemungkinan bukan dilahirkan dengan sifat-sifat membuli.
- Pada mulanya, mereka mungkin merupakan seseorang yang pasif, pemalu dan lemah dalam kemahiran bersosial atau bergaul dengan orang lain.
- Maka, mereka memerlukan sokongan daripada orang di sekeliling.



# Pembentukan Sifat-sifat Si Pembuli dan Mangsa Buli

- Sekiranya mereka mendapat sokongan, secara beransur-ansur, mereka akan berubah sikap kepada sesorang yang aktif dan suka bersosial.
- Jika keadaan mereka tidak terkawal, mereka akan bertindak secara keterlaluan dengan pemikiran bahawa mereka popular dan dapat sokongan ramai.
- Akhirnya, menyumbang kepada sifat-sifat seorang pembuli.




# Pembentukan Sifat-sifat Si Pembuli dan Mangsa Buli

- Sebaliknya, seseorang yang aktif dan pandai bersosial juga akan berakhir dengan hakikat sebagai seorang mangsa buli.
- Pada awalnya, mereka memang akan mendapat sambutan yang baik daripada ramai orang atau di kalangan kawan-kawan.
- Sekiranya suatu hari, mereka terlibat dalam gejala buli, iaitu menjadi mangsa buli dan tanpa bantuan yang dihulurkan oleh kawan-kawan, mereka berkemungkinan besar akan berubah sikap.

# Pembentukan Sifat-sifat Si Pembuli dan Mangsa Buli

- Mereka mula hilang keyakinan terhadap diri sendiri dan meminggirkan diri daripada orang ramai.
- Akhirnya, jadilah mereka seorang yang pasif dan tidak suka bercampur gaul dengan orang sekeliling.




# Penyelesaian Gejala Buli

## A) Penyelesaian Terbuka

- Program "Quiet Room"
  - satu bilik khas disediakan untuk mangsa buli.
  - persekitaran selamat.
  - meningkatkan kemahiran komunikasi dengan rakan sebaya (penyelaras program).

# Penyelesaian Gejala Buli

- Program Rakan Sebaya





# Penyelesaian Gejala Buli


- Program Rakan Sebaya
  - mendapat sambutan daripada golongan muda (Cleary, 2000).
  - mangsa buli mendapat nasihat dan bimbingan rakan sebaya yang berkepimpinan (program anti-buli).
  - si pembuli diberi kesedaran tentang kebinasaan dan kecederaan yang disebabkannya serta bimbingan tentang langkah untuk membetulkan kelakuan diri mereka.



# Penyelesaian Gejala Buli


## B) Pengubahan Kelakuan Si Pembuli

- Mengadakan program-program intervensi melalui satu kumpulan dengan bilangan yang kecil.
- Perhatian yang lebih boleh ditumpukan ke atas setiap individu si pembuli.
- si pembuli ini akan berasa diambilberat dan mempunyai seseorang untuk mendengar serta berkongsi masalah yang dihadapi.



# Penyelesaian Gejala Buli


- si pembuli itu juga boleh diasingkan atau dikuarantinkan supaya mereka memahami perbezaan atau ketidaksamaan dengan orang lain.
- mewujudkan suatu persekitaran untuk membuat pertimbangan dan insaf atas kelakuan diri mereka.



# Penyelesaian Gejala Buli

## C) Pendekatan Sekolah

- Suatu buku panduan atau pendekatan sekolah digunakan.
  - tindakan sekolah-sekolah lain.
- Satu polisi sekolah tentang anti-buli boleh dibangunkan.
  - punca-punca dan cara-cara penyelesaian gejala tersebut.
- Suatu toll-free line boleh dibangunkan.
  - memberi nasihat, pandangan dan penyelesaian.



# Penyelesaian Gejala Buli

## D) Tindakan kurikulum


- Pelajar-pelajar digalakkan melibatkan diri dalam program-program pembangunan kemahiran pro-sosial.
- Pelajar-pelajar difahami dengan konsep buli dan cuba menjauhi diri dengan gejala tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran.



# Penyelesaian Gejala Buli

## E) Tindakan Guru

- Bersikap prihatin terhadap persekitaran.
- Melancarkan program-program intervensi.
- Memastikan dan memberikan suatu suasana yang selamat bagi semua pelajar di sekolah.
- Mengadakan sesi main peranan tingkah laku empatik atau tidak agresif dengan pembuli.
- Latihan asertif pula perlu diadakan dengan mangsa.



# Kesimpulan

- sekolah perlu mengakui bahawa masalah ini wujud dan ia menyakitkan pelajar.
- pihak yang bertanggungjawab perlu memikirkan dengan serius tentang masalah buli dan cuba melaksanakan bagaimana hendak mengatasinya atau menghalangnya daripada berlaku.

**Terima Kasih!!**